

ANALISIS KESALAHAN ORTOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR BAHASA ARAB DI SALAH SEBUAH UNIVERSITI AWAM

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

Tel: +6017-4142236 E-mel: rohaida@usm.my

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran berbahasa. Ortografi adalah salah satu bentuk kemahiran menulis. Para pelajar bahasa Arab senantiasa melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa Arab. Justeru, penyelidik menjalankan kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan, mengambil tindakan dari dapatan kajian dan mencadangkan langkah kepada para pelajar dan pendidik untuk mengurangkan kesalahan dalam penulisan. Teori kesalahan bahasa yang digunakan ialah Teori al-Rajih(1995) dan Tu'aimah(2004). Rekabentuk kajian ialah mix-method iaitu gabungan kajian kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian ialah pelajar yang mengambil Bahasa Arab minor dan opsyen Semester 1 2023/2024 seramai 50 orang. Instrumen kajian ialah skrip jawapan peperiksaan akhir sebanyak 50. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 268 kesalahan ortografi. Kesalahan yang dikenalpasti adalah penulisan Jawi sebanyak 5 kesalahan(1.87%), pengurangan huruf *Mad* sebanyak 39 kesalahan(14.6%), penambahan huruf *Mad* sebanyak 33 kesalahan(12.3%), penulisan Alif Lam Qamariyyah atau Alif Lam Syamsiyyah sebanyak 18 kesalahan(6.72%), penulisan *Hamzah Wasl* atau *Hamzah Qat'* sebanyak 66 kesalahan(24.6%), penulisan *Ta' Marbutoh* atau *Ta' Maftuhah* sebanyak 4 kesalahan(1.49%), penulisan huruf *Alif* sebanyak 13 kesalahan(4.85%), penulisan *Ya'* atau *Alif Maqsuroh* sebanyak 11 kesalahan(4.10%), *Ta' Marbutoh* atau *Ha'* sebanyak 7 kesalahan(2.61%), penulisan *Tanwin* atau *Nun mati* sebanyak 8 kesalahan(2.99%), penulisan lafaz al-Jalalah sebanyak 3 kesalahan(1.12%), menyambung dan memisahkan *Huruf Hijaiyyah* sebanyak 31 kesalahan(11.57%), menambah *Huruf Hijaiyyah* sebanyak 1 kesalahan(0.37%), penggunaan huruf Jawi sebanyak 1 kesalahan(0.37%), tidak ada titik pada *Huruf Hijaiyyah* sebanyak 1 kesalahan(0.37%) dan penukaran *Huruf Hijaiyyah* sebanyak 27 kesalahan(10.1%). Kesimpulannya, para pendidik dan penuntut perlu memperbanyak latihan menulis di dalam dan di luar kelas untuk menghasilkan penulisan yang bermutu dan berkualiti tinggi.

Kata Kunci : Analisis kesalahan, ortografi, ejaan, pelajar bahasa Arab

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab ialah salah satu daripada unit keluarga Bahasa Semiti. Ia merupakan bahasa Al-Quran dan Hadis, bahasa peribadatan umat Islam di dunia, bahasa rasmi di PBB dan di 25 negara Timur Tengah serta dituturkan oleh oleh 313 juta orang di seluruh dunia. Pengajaran bahasa Arab di Malaysia ditawarkan di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan di peringkat pengajian tinggi. Di universiti, bahasa Arab ditawarkan di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, doktor falsafah ataupun kursus kemahiran bahasa sebagai opsyen dan minor. Di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan (PPBLT), Universiti Sains Malaysia (USM), bahasa Arab ditawarkan sebagai kursus opsyen ataupun minor di bawah bahagian bahasa Asing.. Kursus opsyen terdiri dari empat peringkat iaitu Bahasa Arab I (LAA100), Bahasa Arab II (LAA200), Bahasa Arab III (LAA300) dan Bahasa Arab IV (LAA400). Para pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab sahaja dibenarkan mengambil LAA100, manakala LAA200 kepada para pelajar yang mempunyai LAA100 ataupun mempunyai bahasa Arab dalam PT3. LAA300 pula diambil oleh para pelajar yang telah mengambil LAA200 ataupun telah mengambil Bahasa Arab di peringkat SPM. Para pelajar yang telah mempelajari LAA300 pula boleh mengambil LAA400. Pelajar bebas memilih untuk mengambil satu atau dua atau tiga atau empat buah kursus opsyen selama belajar di USM. Pelajar yang memilih kursus opsyen ini mengikuti kelas selama 4 jam seminggu selama 14 minggu.

Manakala subjek minor terdiri daripada lima peringkat. Minor ditawarkan kepada semua pelajar tanpa mengira kelayakan akademik. Subjek minor ialah Bahasa Arab Komunikasi I (LLA100), Bahasa

Arab Komunikasi II (LLA200), Bahasa Arab Komunikasi III (LLA300), Bahasa Arab Komunikasi IV (LLA400) dan Bahasa Arab Perniagaan (LLA401). Pelajar tidak dibenarkan melangkau tahap dan mesti mengikutinya secara turutan. Para pelajar mempunyai 14 minggu dengan kekerapan 6 jam seminggu. Kesemua kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur diaplikasikan secara integrasi atau pakej sepanjang pengajian selama lima semester berturut-turut.

1.2 Permasalahan Kajian

Penulisan bahasa Arab merupakan aspek berbahasa yang penting selain kemahiran membaca, mendengar dan bertutur supaya dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Oleh sebab itu, kajian mendapati masih terdapat ramai pelajar yang melakukan kesalahan ortografi ketika menulis. Kesalahan ini berlaku sama ada ketika menulis kosa kata, istilah-istilah, ayat bahasa Arab atau pun ketika menjawab soalan peperiksaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan meminimumkan kesalahan yang sering dilakukan pelajar dalam penulisan bahasa Arab terutamanya dalam ejaan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1.3.1 mengenalpasti kesalahan ortografi yang dilakukan oleh pelajar
- 1.3.2 mengambil tindakan selanjutnya dari hasil dapatan kajian
- 1.3.3 mencadangkan langkah kepada para pelajar dan pendidik untuk mengurangkan kesalahan dalam ejaan

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting kepada para pelajar kerana dapat memberikan gambaran kepada pelajar banyaknya kesilapan ejaan yang dilakukan dalam penulisan ayat.

Selain itu, kajian ini juga membolehkan para guru dan pensyarah dapat mempelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk mengatasi masalah ini. Ini termasuk menggunakan pelbagai kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang disediakan oleh pihak universiti.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi idea kepada pihak pusat pengajian dan universiti untuk mempertingkatkan kualiti makmal bahasa atau kelas yang dilengkapi dengan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Pihak universiti juga boleh memperuntukan kewangan untuk para staf yang ingin menghadiri seminar, bengkel atau kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PDP) bahasa Arab.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada 50 orang pelajar LAA100, LAA200 dan LLA100 Semester 1 2023/2024 di PPBLT, USM kampus induk sahaja yang mengkaji 16 jenis kesalahan ortografi dalam skrip jawapan peperiksaan akhir. Maka keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua para pelajar bahasa Arab USM tiga buah kampus dan para pelajar institusi pengajian tinggi yang lain.

2. Kajian Literatur

2.1 Teori Analisis Kesalahan Bahasa

2.1.1 Teori Tu'aimah(2004)

Tu'aimah (2004) mencadangkan tiga langkah utama yang perlu dalam melakukan analisis kesalahan iaitu: Pertama: mengenalpasti kesalahan, iaitu langkah mengenalpasti dan membatasi serta

menentukan tempat-tempat terjadinya kesalahan bahasa yang menyimpang dari kaedah tatabahasa yang betul. Kedua: mendeskripsi kesalahan, iaitu menjelaskan aspek kesalahan yang menyimpang dari kaedah bahasa, kemudian mengkategorikan kesalahan berdasarkan pembahagian dalam perbincangan tatabahasa. Ketiga: menafsirkan kesalahan, iaitu menjelaskan faktor dan sumber yang menjadi punca kesalahan

2.1.2 Teori al-Rajihī(1995)

Sementara itu, al-Rājihī (1995) menambah satu lagi langkah penting iaitu melakukan cadangan pembetulan dan rawatan.

2.2 Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian lepas yang dijalankan yang berkaitan analisis ortografi, analisis ejaan, analisis kesalahan berbahasa dan kemahiran menulis bahasa Arab. Antaranya kajian yang bertajuk ‘Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UNISZA’ oleh Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat & Nurazan Mohamad Rouyan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelemahan utama pelajar dalam penulisan adalah melibatkan imlak atau ejaan, pemilihan partikel, penyesuaian gender, *I’rab*, penggunaan kata kerja, penggunaan *Idhofah* dan terpengaruh dengan bahasa ibunda.

Kajian lepas yang kedua ialah ‘Pengajaran Kemahiran Bertulis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Berteraskan Analisis Pelbagai Kesalahan Bahasa Dalam Sintaksis Bahasa Arab’ yang ditulis Azlan Shaiful Baharum dan Mohamad Hazwan Abdul Rahman. Hasil kajian ini ialah sebanyak 50% guru sangat bersetuju bahawa tanda bacaan dan *Hamzah* adalah sebahagian daripada jenis kesalahan ejaan atau *imlak* dalam bahasa Arab.

Kajian ketiga ialah kajian yang ditulis oleh Istiqamah Nuramaliah, Haniah Andi Abdul Hamzah yang bertajuk Analisis Kesalahan *Imla’* Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian mendapati pelajar melakukan kesalahan ejaan sebanyak 539 kali. Kesalahan huruf hijaiyyah berada pada kategori rendah dengan 158 kesalahan (29.31%), kesalahan huruf yang boleh disambung dan huruf yang tidak boleh disambung berada pada kategori sangat rendah dengan 29 kesalahan (5.38%), kesalahan *harakat* berada pada kategori rendah dengan 214 kesalahan (39.7%), kesalahan *Alif Lam Syamsiyah* dan *Alif Lam Qamariyah* berada pada kategori sangat rendah dengan 65 kesalahan (12.05%) dan kesalahan huruf *Hamzah* berada pada kategori sangat rendah dengan 73 kesalahan (13.54%).

Kajian keempat ialah penulisnya yang bernama Hussain Hamid. (2021). Tajuk kertas kerja beliau ialah Analisis Kesalahan Tatabahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Murid Tahun Lima Di Sekolah Rendah. Beliau mendapati murid melakukan banyak kesalahan asas tatabahasa bagi keempat-empat kategori yang dikaji. Kesalahan tertinggi didapati pada kesalahan ejaan kata bilangan bagi perkataan nombor bahasa Arab dengan catatan peratusnya sebanyak 73.3%. Seterusnya, kesalahan kerana menulis baris *Sukun* pada huruf *Alif Lam Syamsiah* dengan catatan peratus kesalahan sebanyak 71.8%. Akhir sekali, kesalahan menulis kata ganti nama tunjuk *Isim ‘Isharah Mudhakar* pada perkataan muannas dengan catatan peratus kesalahan sebanyak 60.7%.

Kajian seterusnya ialah kajian yang disediakan oleh Saiful Johari Musahar, Nur Afiqah Amanina, Kamaruzzaman, Roselina Musahar & Fauzi Azmi. Mereka menghasilkan kertas kerja yang bertajuk Kemahiran Asas Menulis Perkataan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar UITM Pahang. Hasil kajian mereka ialah skor keseluruhan bagi kemahiran mendengar ialah (min = 3.55, sp = 0.40) dan berada pada interpretasi yang tinggi. Kesemua item di dalam kemahiran bertutur berada pada tahap

interpretasi yang tinggi kecuali bagi item “*Pensyarah saya tidak banyak membuat pembetulan kesalahan di dalam pertuturan bahasa Arab*” yang berada pada tahap interpretasi yang sederhana dengan nilai skor min sebanyak 2.46. Kesemua item di dalam kemahiran membaca berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Skor keseluruhan bagi kemahiran membaca ialah (min = 3.74, sp = 0.34) dan berada pada interpretasi yang tinggi. Kesemua item di dalam kemahiran menulis berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Skor keseluruhan bagi kemahiran menulis ialah (min = 3.49, sp = 0.47) dan berada pada interpretasi yang tinggi.

Daripada kajian-kajian lepas yang telah dibuat, dapatlah pengkaji membuat kesimpulan bahawa masalah ejaan dalam kalangan pelajar adalah perkara penting untuk diberi perhatian. Hal ini disebabkan oleh terdapat banyak kesalahan ejaan yang berlaku dalam karangan dan peperiksaan pelajar. Penyelidik mampu mencari penyelesaian kepada kesemua permasalahan yang berlaku.

3. Metodologi kajian


Penyelidik menggunakan kaedah mix-method approaches iaitu gabungan antara kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian kualitatif, rekabentuk analisis kandungan iaitu analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Manakala bagi tujuan deskriptif dalam kajian kuantitatif, data dikumpul daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti kekerapan dan peratusan dilaporkan. Data dikumpul melalui sampel data skrip peperiksaan akhir pelajar Bahasa Arab Semester 1 2023/2024 sebanyak 50 kertas jawapan. Sampel kajian ialah pelajar ijazah sarjana muda tahun pertama, kedua dan ketiga yang mengambil Bahasa Arab secara opsyen ataupun minor di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan (PPBLT), Universiti Sains Malaysia (USM) kampus induk, Minden, Pulau Pinang. Bilangannya ialah seramai 50 orang, 35 orang mengambil kursus Bahasa Arab I (LAA100), 10 orang mengambil kursus Bahasa Arab II (LAA200) dan 5 orang mengambil kursus Bahasa Arab Komunikasi I (LLA100).

Tatacara pengumpulan data adalah melibatkan dua peringkat iaitu peringkat pengumpulan data dan peringkat menganalisis data. Setiap data yang diperolehi dianalisis dan dihuraikan secara manual oleh pengkaji. Data tersebut akan dibincangkan secara terperinci menerusi kaedah penjadualan dan graf dalam analisis dapatan kajian.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Semua data yang telah diperolehi iaitu skrip jawapan kertas peperiksaan akhir LAA100, LAA200 dan LLA100 Semester 1 2023/2024 sebanyak 50 skrip telah dianalisa dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Jadual 1: Bilangan skrip peperiksaan mengikut kursus



Walaupun pelajar melakukan kesalahan nahu (sintaksis), *sorof* (morfologi), ortografi dan kosa kata dalam peperiksaan akhir tetapi fokus utama pengakaji adalah mengenalpasti kesalahan ortografi terutamanya ejaan.

Kesalahan penggunaan aspek ortografi yang telah dikenalpasti dalam penulisan pelajar dalam kursus LAA100, LAA200 dan LLA100 berdasarkan kekerapan dan peratusan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Analisa kesalahan pelajar dari aspek ortografi

Jenis kesalahan	Kekerapan	Peratusan(%)
Penulisan Jawi	5	1.87
Pengurangan huruf Mad	39	14.6
Pertambahan huruf Mad	33	12.3
Penulisan <i>Alif Lam Qamariyyah</i> atau <i>Alif Lam Syamsiyyah</i>	18	6.72
Penulisan <i>Hamzah Wasl</i> atau <i>Hamzah Qat'</i>	66	24.6
Penulisan <i>Ta' Marbutoh</i> atau <i>Ta' Maftuhah</i>	4	1.49
Penulisan huruf <i>Alif</i>	13	4.85
Penulisan <i>Ya'</i> atau <i>Alif Maqsuroh</i>	11	4.10
Penulisan <i>Ta' Marbutoh</i> atau <i>Ha'</i>	7	2.61
Penulisan <i>Tanwin</i> atau <i>Nun mati</i>	8	2.99
Penulisan lafaz al-Jalalah	3	1.12
Menyambung dan memisahkan <i>Huruf Hijaiyyah</i>	31	11.57
Menambah <i>Huruf Hijaiyyah</i>	1	0.37
Penggunaan huruf Jawi	1	0.37
Tidak ada titik pada <i>Huruf Hijaiyyah</i>	1	0.37
Penukaran <i>Huruf Hijaiyyah</i>	27	10.1
Jumlah	268	100

Berdasarkan jadual di atas, didapati kesalahan penulisan *Hamzah Wasl* atau *Hamzah Qat'* mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 66 kesalahan (24.6%) diikuti oleh kesalahan pengurangan huruf Mad dan kesalahan penambahan huruf Mad iaitu sebanyak 33 kesalahan (12.3%).

Berikut adalah bentuk-bentuk kesalahan ortografi yang dilakukan oleh pelajar bahasa Arab USM. Di sini dinyatakan beberapa contoh kesalahan dan pembetulannya.

4.1 Kesalahan Dalam Penggunaan Jawi

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 5 kali dalam penggunaan tulisan Jawi iaitu 1.87%.

Betul	Salah
جامعة العلوم الماليزية	يونيستي سآينس ماليسيا
كوالا لمبور	كوالا لومقور
شوكة	غرفو
مطعم	ريستوران

4.2 Kesalahan Pengurangan Huruf Mad

Huruf Mad ialah huruf *Alif* (ا), *Wau* (و) dan *Ya* (ي).

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 39 kali dalam pengurangan Huruf Mad iaitu 14.6%.

Betul	Salah
هاتان	هتان
حاسوب	حاسب
طالب	طلب
ماليزيا	ماليزي
كيف حالك؟	كيف حلك؟

4.3 Kesalahan penambahan Huruf Mad

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 33 kali dalam penambahan Huruf Mad iaitu 12.3%.

Betul	Salah
هاتف	هاتيف
مترجمة	موترجمة
مكتب	مكتاب

تدرس	تدروس
الجريدة	الجاريدة

4.4 Kesalahan penulisan *Alif Lam Qamariyyah* atau *Alif Lam Syamsiyyah*

Alif Lam dimasukkan di hadapan kata nama sahaja. Terdapat dua jenis *Alif Lam* dalam bahasa Arab iaitu *Alif Lam Qamariyyah* dan *Alif Lam Syamsiyyah*.

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 18 kali dalam penulisan *Alif Lam Qamariyyah* atau *Alif Lam Syamsiyyah* iaitu 6.72%.

Huruf *Alif Lam Qamariyyah* ada 14 iaitu : ا، ب، ج، ح، خ، ع، غ، ف، ق، ك، م، هـ، و، ي

Huruf *Alif Lam Syamsiyyah* ada 14 iaitu : ت، ث، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ل، ن

Contoh *Alif Lam Qamariyyah*:

Betul	Salah
صباح الخير	صباح خير
اللغة العربية	اللغة اعربية

Contoh *Alif Lam Syamsiyyah*:

Betul	Salah
وعليكم السلام	وعليكم سلام
مع السلامة	مع سلامة
السلام عليكم	اسلام عليكم

4.5 Kesalahan penulisan *Hamzah Wasl* atau *Hamzah Qat'*

Hamzah Wasl ialah perkataan yang dimulai dengan huruf *Alif* yang tidak mempunyai *Hamzah*. *Hamzah* ini akan diabaikan jika seseorang memilih untuk menyambung bacaan dari ayat sebelumnya. Tetapi *Hamzah* ini akan dibariskan bacaannya jika seseorang memilih untuk memulakan bacaan dari perkataan yang mempunyai *Hamzah Wasl* tersebut. Tiada *Hamzah* di atas atau di bawah huruf *Alif*. *Hamzah Qat'* ialah *hamzah* yang tetap bacaannya samaada di permulaan perkataan atau di pertengahan perkataan. Terdapat *Hamzah* di atas atau di bawah huruf *Alif*.

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 66 kali dalam penulisan *Hamzah Wasl* atau *Hamzah Qat'* iaitu 24.6%.

Contoh *Hamzah Wasl*:

Betul	Salah
اسمها	إسمها
افتح	إفتح

اجتهد	إجتهد
استقرت	إستقرت
اسمه	إسمه

Contoh *Hamzah Qat'*:

Betul	Salah
أعيش	اعيش
أسرتي	اسرتي
أقرأ	اقراء
أمام	امام
الأرز	الارز

4.6 Kesalahan penulisan *Ta' Marbutoh* atau *Ta' Maftuhah*

Terdapat dua jenis *Ta'* dalam bahasa Arab iaitu *Ta' Marbutoh* (ة) dan *Ta' Maftuhah* (ت).

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 4 kali dalam penulisan *Ta' Marbutoh* atau *Ta' Maftuhah* iaitu 1.49%.

Contoh *Ta' Marbutoh*:

Betul	Salah
كتابة	كتابت

Contoh *Ta' Maftuhah*:

Betul	Salah
طالبات	طالبة

4.7 Kesalahan penulisan huruf *Alif*

Terdapat 7 jenis cara menulis Alif iaitu ا، إ، ئ، ء، ؤ، ة، آ.

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 13 kali dalam penulisan huruf *Alif* iaitu 4.85%.

Betul	Salah
أقرأ	أقرء
يقراً	يقرا
الماء	المأ

العشاء	العشأ
آكل	أكل

4.8 Kesalahan penulisan *Ya'* (ي) atau *Alif Maqsooh* (ى)

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 11 kali dalam penulisan *Ya'* atau *Alif Maqsooh* iaitu 4.10%.

Betul	Salah
في	فى
الشاي	الشأى
حي	حى
يكوي	يكوى

4.9 Kesalahan penulisan *Ta' Marbutah* atau *Ha'*

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 7 kali dalam penulisan *Ta' Marbutah* atau *Ha'* iaitu 2.61%.

Betul	Salah
الواحدة	الواحدہ
شاشة	شاشه
طائرة	طائرہ
مدرسة	مدرسه
مع السلامة	مع السلامه

4.10 Kesalahan penulisan *Tanwin* (ـٌ ، ـٍ ، ـِ) atau *Nun mati* (نْ)

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 8 kali dalam penulisan *Tanwin* atau *Nun mati* iaitu 2.99%.

Betul	Salah
شكرا	شكرن
يوميا	يومين
كثيرا	كثيرن
جميلا	جميلن
دائما	دائمن

4.11 Kesalahan penulisan lafaz al-Jalalah

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 3 kali dalam penulisan lafaz al-Jalalah iaitu 1.12%.

Betul	Salah
في أمان الله	في أمانالله
جزاك الله	جزاكاالله

4.12 Kesalahan penulisan Huruf Hijaiyyah secara bersambung atau terpisah

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 31 kali dalam penulisan Huruf Hijaiyyah secara bersambung atau terpisah iaitu 11.57%.

Betul	Salah
مع السلامة	معالسلامة
صباح الخير	صباحاخير
كيف حالك	كيفحالك
السلام عليكم	السلامعليكم
وعليكم السلام	وعليكمالسلام

4.13

4.13 Kesalahan penambahan Huruf Hijaiyyah

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 1 kali dalam penulisan penambahan Huruf Hijaiyyah iaitu 0.37%.

Betul	Salah
ستة	ستتة

4.14 Kesalahan penggunaan huruf Jawi

Terdapat huruf Jawi yang tiada dalam Huruf Hijaiyyah iaitu چ غ ف ك و ي

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 1 kali dalam penggunaan huruf Jawi iaitu 0.37%.

Betul	Salah
صباح الخير	صباح الخير

4.15 Kesalahan penulisan titik pada Huruf Hijaiyyah

Terdapat Huruf Hijaiyyah yang mempunyai titik dan ada juga yang tidak mempunyai titik.

Huruf Hijaiyyah yang mempunyai titik ialah ن، ق، ف، ظ، ض، ش، ز، ذ، خ، ج، ث، ت، ب،

ي

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 1 kali dalam penulisan titik pada Huruf Hijaiyyah iaitu 0.37%.

Betul	Salah
والنصف	والنصف

4.16 Kesalahan penukaran Huruf Hijaiyyah

Pelajar melakukan kesalahan sebanyak 27 kali dalam penukaran Huruf Hijaiyyah iaitu 10.1%.

4.16.1 د \ ر

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 4 kali.

Betul	Salah
شكرا	شكدا
صباح الخير	صباح الخيد
قريب	قديب
كبير	كبيد

4.16.2 ع \ غ

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
غرفة	عرفة

4.16.3 ه \ ح

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 5 kali.

Betul	Salah
حافلة	هافلة
المسجد الحرام	المسجد الهرام

كيف حالك	كيف هالك
مهندس	مهندس

ذ \ ز 4.16.4

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
جزاك الله	جزاك الله

ء \ ع 4.16.5

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 8 kali.

Betul	Salah
تسعة	تسعة
عفوا	عفوا
مع السلامة	مع السلامة
قائمة	قائمة

س \ ش 4.16.6

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 2 kali.

Betul	Salah
عشرة	عسرة
وعليكم السلام	وعليكم الشلام

ن \ ر 4.16.7

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
صباح النور	صباح النون

ف \ ق 4.16.8

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
فوق	فوف

ع \ ح 4.16.9

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
افتح	افتع

ح \ خ 4.16.10

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 2 kali.

Betul	Salah
أختي	أحتي
خالد	حالد

ك \ خ 4.6.11

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
جزاك الله خيرا	جزاك الله كيرا

ق \ خ 4.6.12

Kesalahan telah dilakukan sebanyak 1 kali.

Betul	Salah
صباح الخير	صباح القير

5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, para pelajar masih lemah dalam ortografi Bahasa Arab. Kesemua pihak perlu menggembleng tenaga untuk memastikan para pelajar dapat menguasai kemahiran menulis terutamanya ejaan. Berikut dikemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada pelbagai pihak agar pelajar dapat mengurangi kesalahan ortografi dalam bahasa Arab.

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengadakan bengkel kemahiran menulis kepada para pendidik dan para pelajar dengan lebih banyak.

Pihak KPT dan KPM juga perlu memastikan modul pengajaran berkualiti dan memenuhi semua aspek kemahiran berbahasa termasuk kemahiran menulis.

Pihak pentadbir ataupun universiti perlu menyediakan makmal bahasa Arab dan menganjurkan aktiviti-aktiviti bahasa Arab seperti kuiz, lakonan, pembentangan, pertandingan esei, lawatan dan sebagainya.

Para pendidik perlu menambahbaik kaedah dan teknik pengajaran serta strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Mereka juga boleh memfokuskan lebih banyak penguasaan bahasa Arab dalam proses penulisan yang dilihat masih perlu diberi perhatian. Pelajar perlu diberikan pendedahan dan latihan yang secukupnya terhadap ejaan yang betul dalam penulisan. Selain itu, pembangunan modul pembelajaran latihan ejaan juga boleh dibangunkan dengan memasukkan aktiviti-aktiviti pengajaran yang berteknologi seperti aplikasi dalam telefon pintar mahupun dalam media sosial seperti Instagram, Twitter, Facebook mahupun Tik Tok.

Selain itu juga, para pelajar juga perlu memainkan peranan untuk mengatasi masalah ini. Mereka harus mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Ini kerana sikap mempunyai peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar dalam penguasaan mereka dalam ejaan secara khasnya dan bahasa Arab secara amnya. Mereka harus mempunyai inisiatif sendiri untuk memperbanyak latihan ejaan dengan lebih kerap.

Penyelidik merasakan segala kesalahan pelajar yang telah dianalisis perlu dikumpulkan dan dijadikan modul atau kamus kesalahan bahasa agar pelajar dapat mengenalpasti dan mempelajari kesilapan mereka serta tidak mengulangnya kembali.

Penyelidik juga menyarankan agar penyelidik lain dapat mengadakan penyelidikan dan kajian yang lebih terperinci mengenai kemahiran menulis, analisis kesalahan ejaan bahasa Arab dan tatabahasa bahasa Arab dengan lebih kerap.

6. Rujukan

- Ami Rahmat, Kristina Imron & Muhammad Ja'far Shodiq. (2022). Analisis Kesalahan Bahasa Arab Pada Judul Proposal Mahasiswa Semester IV PBA UIN Raden Fatah Palembang. [Online]: <https://www.ejournal.insud.ac.id/index.php/pba/article/view/78> (akses pada 16 Mac, 2024).
- Anyes Lathifatul Insaniyah & Umi Yurika Nur Kamala. (2022). Analisis Kesalahan Menulis Bahasa Arab Dalam Pembelajaran Imla'. [Online]: <https://ejournal.iaida.ac.id>. (akses pada 16 Mac, 2024).
- Arief Bakhtiar Rifai. (2021). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab (Studi Kasus Skripsi Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab Universitas Muhammadiyah Yogyakarta). [Online]: <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/44512/>. (akses pada 17 Mac, 2024).
- Azlan Shaiful Baharum & Mohamad Hazwan Abdul Rahman. (2020). Pengajaran Kemahiran Bertulis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Berteraskan Analisis Pelbagai Kesalahan Bahasa Dalam Sintaksis Bahasa Arab. [Online]: <https://www.researchgate.net/publication/341118050>. (akses pada 13 April, 2024).
- Azlan Shaiful Baharum & Rosni Samah. (2015). Persepsi Pelajar Universiti Awam Terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi. [Online]: <https://sainshumanika.utm.my/>. (akses pada 13 April, 2024).
- Ela Isnani Munawwaroh. . (2020). Analisis Kesalahan Penulisan Kata (Akhtu' Imlaiyyah) Pada Tulisan Mahasiswa Prodi Pai Lain Sas Bangka Belitung. [Online]: <https://jurnal.lp2msasbabel.ac.id/>. (akses pada 16 Mac, 2024).

- Elmy Maswandi, Wafiqah Asnola & Zulfadzlee Zulkiflee. (2022). Analisis Kesalahan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Menengah Bawah Di Negara Brunei Darussalam. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/361691212_Analisis_Kesalahan_Bahasa_dalam_Karangan_Bahasa_Melayu_Pelajar_Menengah_Bawah_Di_Negara_Brunei_Darussalam (akses pada 17 Mac, 2024).
- Fathkul Ulum, Enung Mariah & Ruhul Kudus. (2023). Analisis Kesalahan Imla' Bahasa Arab (Studi Kasus Skripsi Berbahasa Arab Mahasiswa Prodi Pendidikan Bahasa Arab FBS UNM). [Online]: <https://ojs.unm.ac.id/semnaslemlit/article/view/54105> (akses pada 17 Mac, 2024).
- Haniah. (2018). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Pada Skripsi Mahasiswa Jurusan Bahasa Dan Sastra Arab. [Online]: <https://journal.imla.or.id/index.php/arabi/article/view/62> (akses pada 17 Mac, 2024).
- Hussain Hamid. (2021). Analisis Kesalahan Tata Bahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Murid Tahun Lima Di Sekolah Rendah. [Online]: <http://ptsldigitalv2.ukm.my:8080/jspui/handle/123456789/460194> (akses pada 16 Mac, 2024).
- Istiqamah Nuramaliah, Haniah & Andi Abdul Hamzah. (2021). Analisis Kesalahan Imla' Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. [Online]: <https://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/Shautul-Arabiyyah/article/view/23582> (akses pada 17 April, 2024).
- Mohamad Hussin & Zawawi Ismail. (2021). Analisis Kesalahan Tata Bahasa Dalam Buku Teks Bahasa Arab LASR KSSM. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/350104305_Analisis_Kesalahan_Tatabahasa_Dalam_Buku_Teks_Bahasa_Arab_Lasr_Kssm (akses pada 17 Mac, 2024).
- Mohammad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Muhammad Daoh. (2018). Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Di Universiti Awam Malaysia Dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab. [Online]: https://www.academia.edu/111366288/Kebolehan_Pelajar_Sarjana_Muda_Bahasa_Arab_d_i_Universiti_Awam_Malaysia_dalam_Kemahiran_Menulis_Karangan_Bahasa_Arab?rhid=27826391724&swp=rr-rw-wc-91548484 (akses pada 19 April, 2024).
- Mohammad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Nor Effendy Ahmad Sokri. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. [Online]: <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/058> (akses pada 12 April, 2024).
- Mualim Wijaya & Anna Kholifah. (2023). Kesalahan Penulisan Bahasa Arab Dalam Pembelajaran Imla' Bagi Siswa Kelas IV Madrasah Ibtida'iyah. [Online]: <https://ejournal.unma.ac.id/index.php/educatio/article/view/4887> (akses pada 17 Mac, 2024).
- Muhammad Dzakhiruddin & Junaedi. (2022). Kesalahan Berbahasa: Sebuah Analisis Dan Implementasi Dalam Penelitian Bahasa Arab. [Online]: <https://syekhnrjati.ac.id/jurnal/index.php/ibtikar/article/view/9786-27647-1> (akses pada 17 Mac, 2024).
- Nandang Sarip Hidayat. (2014). Analisis Kesalahan Dan Konstratif Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. [Online]: <https://ejournal.uin-suska.ac.id/index.php/Kutubkhanah/article/view/815> (akses pada 16 Mac, 2024).
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat & Nurazan Mohamad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UNISZA. [Online]: <http://eprints.unisza.edu.my/id/eprint/482> (akses pada 13 April, 2024).
- Nor Effendy Ahmad Sokri & Mohammad Rofian Ismail. (2017). Analisis Kesalahan Nahu (Sintaksis)

- Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [Online]: <https://www.researchgate.net/>. (akses pada 17 Mac, 2024).
- Nur Hafizah Abdul Aziz. . (2015). Penggunaan Imitasi Dalam Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti. [Online]: <https://core.ac.uk/download/pdf/268877441.pdf>. (akses pada 17 Mac, 2024).
- Nurkholis. (2018). Analisis Kesalahan Berbahasa Dalam Bahasa Arab. [Online]: <https://e-journal.Metrouniv.ac.id/>. (akses pada 16 Mac, 2024).
- Nurul Jamilah Rosly & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. (2023). Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Muar, Johor. [Online]: <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/105318>. (akses pada 17 Mac, 2024).
- Saidah. (2022). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Dan Implikasinya Pada Makna. [Online]: <https://moraref.kemenag.go.id/documents/article/100151407419591730> (akses pada 17 Mac, 2024).
- Saiful Johari Musahar, Nur Afiqah Amanina, Kamaruzzaman, Roselina Musahar & Fauzi Azmi. (2018). [Online]: Kemahiran Asas Menulis Perkataan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar UITM Pahang.[Online]: <https://www.academia.edu/9154884/> (akses pada 19 April, 2024).
- Siti Hawani Hamid & Norasyikin Osman. (2019). Penggunaan Hamzah Alwasl dan Hamzah Alqat' Dalam Kemahiran Menulis Pelajar Universiti. [Online]: <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2019/07/TAMU-Vol-51-Jun-2019-9-18.pdf>. (akses pada 17 April, 2024).
- Siti Nabilah Misran & Siti Syarwani Ghazali. (2019). Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Dalam Pembelajaran Asas Bahasa Arab Di Kolej Profesional Baitumal Kuala Lumpur (KPBKL). [Online]: <https://www.researchgate.net/>. (akses pada 16 Mac, 2024).
- Subhan Mughni. (2005). Analisis Kesalahan Menulis Bahasa Arab Di Kalangan Mahasiswa Program Studi Bahasa Arab. [Online]: <https://Doi.Org/10.32678/Alqalam.V22i3.1371> (akses Pada 16 Mac, 2024).
- Wan Rohani Wan Mokhtar & Mohd Zaki Abdul Rahman. (2019). Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam. [Online]: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/24599>. (akses pada 17 Mac, 2024).